

KHUTBAH JUMAAT

(Bersempena Hari Belia Negara Tahun 2024)

" BELIA MALAYSIA, YAKIN BOLEH"

(17 Mei 2024M/ 8 Zulkaedah 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ اللَّهُ رَحْمَةً
لِلْعَالَمِينَ، وَإِمَامًا لِلْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَسَيِّدًا لِلْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : "**Belia Malaysia, Yakin Boleh**".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Al-Quran telah merakamkan kisah betapa tingginya keyakinan

beberapa orang pemuda yang beriman kepada Nabi Musa *alaihis salam* walaupun diancam oleh pemerintah yang zalim. Keyakinan ini menunjukkan betapa tingginya iman dan kepercayaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* yang diarahkan melalui utusan Nabi Musa *alaihis salam*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah Yunus, ayat 83:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَمَا ءَامَنَ لِمُوسَىٰ إِلَّا ذُرِّيَّةٌ مِّن قَوْمِهِ ۗ عَلَىٰ خَوْفٍ مِّن فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِمْ أَن يَفْتِنَهُمْ ۗ وَإِنَّ فِرْعَوْنَ لَعَالٍ فِي الْأَرْضِ وَإِنَّهُ لَمِنَ الْمُسْرِفِينَ (٨٣)

Maksudnya: Maka tidaklah ada yang beriman kepada Nabi Musa melainkan sebilangan kecil dari keturunan kaumnya, itupun dengan keadaan takut kepada Firaun dan ketua-ketua kaum mereka menyeksa mereka; kerana sesungguhnya Firaun bermaharajalela di bumi, dan sebenarnya ia daripada kalangan orang yang melampaui batas.

Beberapa kisah keyakinan dan keimanan anak muda kepada Allah *subhanahu wata'ala* turut dirakamkan dalam al-Quran seperti dalam surah al-Kahfi, ayat 13:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ ۗ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى

Maksudnya: Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk.

Malaysia pada hari ini, menghimpunkan golongan belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun dengan anggaran lebih daripada 9,600,000 (Sembilan juta enam ratus ribu) orang yang mewakili 29% daripada populasi di Malaysia. Tidak dapat dinafikan, belia merupakan aset utama negara. Mereka adalah generasi yang bakal mewarisi masa depan negara yang akan menerajui dan membawa harapan untuk mengagungkan syiar Islam sejajar dengan kemajuan dan kecemerlangan Negara.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Di Malaysia, tarikh 15 Mei setiap tahun diisytiharkan sebagai Hari Belia Negara yang mengiktiraf golongan belia atas sumbangan dan peranan mereka dalam pembangunan Negara. Dengan tema "Yakin Boleh", Hari Belia Negara 2024 terus memperkasakan peranan belia dalam semua bidang bagi membentuk visi dan masa depan negara.

"Yakin Boleh" merujuk kepada keyakinan pada diri semua belia dalam memberi sumbangan melalui idea, tenaga dan masa bagi menghadapi dan mendepani pelbagai cabaran pada masa hadapan. Kerajaan juga menaruh keyakinan dan harapan yang tinggi kepada golongan belia untuk cemerlang sama ada dari sudut kepimpinan, korporat, kesukarelawan dan sebagainya

Sejarah tamadun Islam membuktikan bahawa keyakinan dan keimanan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan rasulnya terpahat dalam kalangan anak muda seperti Saidina Ali bin Abi Talib, Jaafar bin Abi Talib, Usamah bin Zaid dan Abdullah bin Amru bin al-'As *radiallahu anhum*. Mereka bukan sahaja antara sahabat Nabi

sallallahu alaihi wasallam yang mula-mula beriman, malah turut diberi kepercayaan sebagai barisan hadapan dalam menjulang panji-panji Islam. Ramai lagi dalam kalangan sahabat Nabi *sallallahu alaihi wasallam* yang menyumbang pada kegemilangan Islam seperti Saidina Umar bin al-Khattab *radiallahu anhu*, Saidina Abdul Rahman bin Auf *radiallahu anhu*, dan sebagainya.

Ketokohan para sahabat *radiallahu anhum* dalam usia belia dengan keyakinan yang tinggi dan keteguhan iman telah membawa kepada kegemilangan Islam. Inilah pengajaran dan tokoh anak muda yang wajib dicontohi oleh belia masa kini. Iman yang teguh dengan prinsip Islam menjadi teras utama dalam pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan Negara.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Belia merupakan aset berharga kepada sesebuah Negara yang boleh disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteleknya serta diperkaya modal budayanya. Pembangunan modal insan belia yang baik perlu seimbang antara duniawi dan ukhrawi. Antara asas pembangunan modal insan adalah Ilmu dan akhlak.

Generasi muda mesti tekun menuntut dan mendalami ilmu dan kemahiran daripada pelbagai bidang. Generasi muda juga perlu memahami tanggungjawab mereka dalam memelihara nilai-nilai agama, moral, dan etika serta amanah dan bertanggungjawab dalam setiap tindakan. Al-Quran menukikkan kisah bagaimana ciri-ciri seseorang modal insan yang perlu untuk diangkat sama ada sebagai

pemimpin mahupun pekerja. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Qasas, ayat 26:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ (٢٦)

Maksudnya: *Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah".*

Perkataan kuat di sini bermaksud kuat dari segi fizikal, mental, emosi dan segala kemahiran yang diperlukan. Manakala amanah pula membawa maksud integriti. Kedua-dua ciri ini wajib diterapkan dalam setiap individu belia di Malaysia.

Belia sebagai aset Negara kini dan masa hadapan perlu disantuni dan digilap sebagai pewaris kepada pembangunan negara. Di Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Pengukuhan Pembangunan Belia Positif (PYD) adalah satu pendekatan yang mengiktiraf potensi belia, dengan menerapkan ciri-ciri 8C yang perlu ada dalam diri belia yang maju dan seimbang dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan, iaitu (1) Penyayang (*Caring*) (2) Kompeten (*Competent*) (3) Karakter (*Character*) (4) Yakin (*Confident*) (5) Kerjasama (*Cooperation*) (6) Bertimbang rasa (*Considerate*) (7) Kompetitif (*Competitive*) dan (8) Sumbangan (*Contribution*).

Setiap anak muda mempunyai potensi yang pasti boleh diserlahkan untuk kebaikan ummah dan Negara. Sebagai masyarakat yang bersatu padu, marilah kita bersama-sama mendukung, membimbing,

dan memberikan peluang kepada generasi muda untuk berkembang dan berjaya. Kita sebagai masyarakat perlu membina persekitaran yang kondusif bagi perkembangan mereka, memberi peluang untuk bersuara, serta memberikan sokongan moral dan mental.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri Khutbah, beberapa kesimpulan perlu diberi perhatian daripada intipati khutbah yang disampaikan pada hari ini:

Pertama: Tamadun Islam membuktikan bahawa anak muda perlu mempunyai keyakinan dan keimanan yang tinggi dalam mematuhi segala perintah Allah dan Rasul-Nya.

Kedua: Pengiktirafan khusus kepada Belia di Malaysia diangkat melalui Hari Belia Negara pada tarikh 15 Mei setiap tahun. "Yakin Boleh" membuktikan keyakinan pada diri semua belia dalam memberi sumbangan melalui idea, tenaga dan masa bagi menghadapi dan mendepani pelbagai cabaran pada masa hadapan.

Ketiga: Pembangunan modal insan belia yang baik perlu seimbang antara duniawi dan ukhrawi. Belia perlu disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteleknya serta diperkaya modal budayanya.

Sesungguhnya, generasi muda mempunyai peranan khusus dalam menghadapi cabaran-cabaran zaman moden, termasuklah cabaran teknologi dan perubahan sosial. Sebagai pemimpin masa depan, generasi muda perlu memupuk nilai-nilai murni seperti kesederhanaan, kejujuran, dan keadilan. Mereka perlu memahami bahawa kejayaan sejati bukan hanya dilihat daripada segi kekayaan

material, tetapi juga daripada segi kebahagiaan, keamanan, dan keharmonian dalam masyarakat.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah Luqman, ayat 17 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَبْنَئِ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ ۗ
إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ (١٧)

Maksudnya : *Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Berdasarkan keadaan cuaca panas dan kering akibat fenomena El Nino dan fasa peralihan monsun yang lazimnya membawa hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka masa yang singkat, maka khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya bencana di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, teruskanlah mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara

kami, khususnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا صَلَاتَنَا وَصِيَامَنَا وَقِيَامَنَا وَتَخَشُّعَنَا وَتَضَرُّعَنَا وَتَعَبُّدَنَا وَتَمَمِّمْ
تَقْصِيرَنَا، يَا اللَّهُ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. رَبَّنَا أَتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.